PP

lwn.

MUHD ZULKIFLI ABD GHANI & SATU LAGI

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: C-05-24-2003]
21 DISEMBER 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Rayuan terhadap pembebasan dan pelepasan responden - Pembelaan responden - Sama ada penafian semata-mata - Percanggahan keterangan - Sama ada menjejaskan kebolehpercayaan keterangan responden - Hakim bicara gagal mengambilkira perkara-perkara penting dan relevan - Sama ada mahkamah mempunyai alasan kukuh untuk mengganggu dapatan fakta - Sama ada responden gagal mematahkan anggapan pengedaran dadah - Sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah*

Responden dan satu Eliah Yusoh ('Eliah') telah dituduh secara niat bersama mengedar cannabis seberat 22,935 gram, iaitu satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut'). Faktanya adalah responden sedang memandu satu van ('van tersebut') bersama-sama dengan Eliah yang duduk di tempat penumpang di bahagian depan apabila ditahan di satu sekatan jalanraya. SP3 yang mengetuai satu pasukan pegawai kastam telah mendapati dua bungkusan, satu terletak di tempat letak kaki ruang duduk bahagian tengah van tersebut dan satu lagi di tempat letak kaki tempat duduk bahagian belakang van tersebut. Didapati bahawa kedua-dua bungkusan tersebut mengandungi ketulan-ketulan daun kering mampat yang bersalut plastik lutsinar yang ahli kimia, SP2, telah mengesahkan sebagai cannabis seperti ditakrifkan di dalam s. 2 Akta tersebut. Pembelaan yang ditimbulkan oleh responden adalah beliau tidak mengetahui tentang kewujudan kedua-dua bungkusan cannabis tersebut di dalam van yang dipandunya. Di akhir perbicaraan kes, kedua-dua responden dan Eliah telah dibebaskan dan dilepaskan oleh hakim bicara. Pendakwaraya tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan

merayu terhadap keputusan tersebut. Isu-isu yang timbul dalam rayuan kes ini adalah (i) sama ada hakim bicara telah tersilap apabila memutuskan responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan kerana pembelaan responden merupakan penafian semata-mata; (ii) keputusan hakim bicara adalah bercanggah dengan dapatan fakta yang dibuat oleh beliau di akhir kes pendakwaan dan juga 'goes against the weight of evidence'; (iii) hakim bicara telah tersilap apabila memutuskan cap jari atau 'nail clipping' perlu diambil dari responden sedangkan undang-undang tidak memerlukan pihak pendakwaan berbuat demikian.

Diputuskan (membenarkan rayuan pendakwaraya; mengenepikan keputusan hakim bicara; menyabit responden dengan kesalahan mengedar dadah dan menjatuhkan hukuman mati)

Oleh Hasan Lah HMR:

(1) Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa pembelaan responden hendaklah ditimbang bersama-sama keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dengan berpandukan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam kes *Mohamad Radhi Yaakob*. Di dalam kes ini, Eliah juga memberi keterangan untuk kes pembelaannya. Terdapat beberapa percanggahan yang ketara di antara keterangan Eliah dan responden. Adalah jelas bahawa keterangan responden dan Eliah tidak menyokong keterangan satu sama lain. Hakim bicara gagal mengambilkira percanggahan-percanggahan yang ketara di antara keterangan responden dan Eliah dalam keputusannya. Memandangkan terdapat percanggahan-percanggahan, ianya telah menjejaskan kebolehpercayaan keterangan responden. (perenggan 32 & 34)

(2) Kedua-dua bungkusan yang didapati di dalam van tersebut yang terdiri daripada dua kampit plastik adalah besar kerana setiap bungkusan mengandungi 12 ketulan plastik lutsinar yang mengandungi cannabis. Adalah tidak dapat diterima akal bahawa responden tidak dapat melihat bungkusan-bungkusan yang besar itu berada di dalam van tersebut dan tidak tersorok. Seterusnya, adalah sukar dipercayai pembelaan responden bahawa bungkusan-bungkusan dadah tersebut dimasukkan ke dalam van tersebut di Masjid Sungai Karang

tanpa pengetahuannya. Responden mengatakan beliau telah meninggalkan van tersebut selama tiga atau empat minit di kawasan Masjid Sungai Karang untuk pergi ke tandas. Memandangkan kedua-dua bungkusan tersebut besar adalah mustahil untuk mana-mana orang meletakkan dadah tersebut ke dalam van tersebut dalam tempoh yang begitu singkat. (perenggan 35 & 36)

(3) Responden telah mengatakan pada malam itu beliau telah keluar kerana satu Din Haq telah menelefonnya meminta beliau tolong mengambil barang tetapi menurut isteri responden, SP4, responden telah memberitahunya beliau nak keluar pergi ke kenduri. Adalah jelas bahawa responden telah berbohong kepada SP4 tentang tujuan beliau keluar pada malam itu dan ini menunjukkan responden menyedari kesalahan yang beliau hendak lakukan dengan menggunakan van tersebut. (*Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. Public Prosecutor*). (perenggan 38)

(4) Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada, ketiadaan keterangan tentang cap jari tidak menjejaskan kes pendakwaan. Ini kerana cuma responden dan Eliah yang berada di dalam van tersebut dan responden adalah pemilik van tersebut. Semasa responden ditangkap beliau sedang memandu van tersebut. Kedua-dua bungkusan yang berisi dadah cannabis tersebut adalah besar dan dapat dilihat oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam van tersebut. (perenggan 39)

(5) Sekiranya hakim bicara mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di atas dan menilai pembelaan responden dengan lebih teliti bersama-sama dengan keterangan-keterangan saksi-saksi pihak pendakwa beliau mungkin mencapai keputusan yang berlainan. Oleh kerana hakim bicara gagal mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di atas maka terdapat salah arahan. Terdapat alasan kukuh untuk mahkamah ini mengganggu dapatan fakta hakim bicara. Pembelaan responden adalah satu rekaan semata-mata dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan bahawa dadah tersebut berada di dalam milikan responden. Responden juga gagal mematahkan anggapan pengedaran dadah tersebut. Pihak pendakwa berjaya membuktikan kesnya terhadap responden melampaui keraguan yang munasabah. (perenggan 40)

A ***English*** *Translation Of Headnotes*

The respondent and one Eliah Yusoh ('Eliah') were jointly charged for trafficking in cannabis weighing 22,395 grams, an offence under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). The
B facts were that the respondent had been driving a van ('the said van') and Eliah was sitting in the front passenger seat when they were detained at a road block. SP3 leading a team of customs officers had found two packages - one situated at the footrest space in the middle of the said van and the other at the footrest
C space in the rear seat of the said van. It was discovered that the two said packages contained compressed lumps of dried leaf wrapped in clear plastic that the chemist, SP2, confirmed as cannabis as defined in s. 2 of the Act. The defence raised by the respondent was that he had no knowledge of the existence of the
D said packages containing said cannabis in the van he was driving. At the end of the prosecution's case, both the respondent and Eliah were acquitted and discharged by the trial judge. The prosecution was dissatisfied with the said decision and appealed. The issues raised in the appeal herein were (i) whether the trial
E judge was wrong when he decided that the respondent had succeeded in raising reasonable doubt on the prosecution's case as the respondent's defence was one of mere denial; (ii) the trial judge's decision had contradicted with the findings of facts made by him at the end of the prosecution's case and also 'goes against
F the weight of evidence'; (iii) the trial judge was incorrect when he held that fingerprints or 'nail clipping' should have been taken from the respondent although the law did not require the prosecution to do so.

G **Held (allowing the prosecution's appeal; setting aside decision of trial judge; convicting the respondent for the offence of trafficking and sentencing him to death)**
Per Hasan Lah JCA:

H **(1)** It is an accepted principle of law that the respondent's defence need to be weighed with the rest of the evidence presented by the prosecution by referring to the principles stated in the case of *Mohamad Radhi Yaakob*. In this case, Eliah had also given evidence during his defence case. There were apparent contradictions between Eliah's evidence and the
I respondent's evidence. It was clear that the respondent's evidence and Eliah's evidence did not support each other. The trial judge had failed to consider the obvious contradictions

between the respondent's evidence and Eliah's evidence in making his decision. As there were discrepancies, it had affected the credibility of the respondent's evidence. A

(2) The two packages found in the said van that consisted of two plastic bags were quite large because each package contained 12 lumps of clear plastic containing cannabis. It could not be accepted that the respondent could not see the large packages were in the van unhidden. Further, it was hard to believe the respondent's defence that the said packages of drugs had been smuggled into the said van at the Sungai Karang Mosque without his knowledge. It was the respondent's submission that he had left the said van for three to four minutes at the Sungai Karang Mosque compound to use the toilet. As the two packages were rather large it was impossible for anyone to place the said drugs in the said van in that short amount of time. B C D

(3) The respondent had submitted that on that night he had gone to see one Din Haq that had earlier called him to ask him to help collect something but according to the respondent's wife, SP4, the respondent had told him that he was attending a function. It was clear that the respondent had lied to SP4 about his intention to go out that night and this showed that the respondent was well aware of the wrong he was about to commit using the said van (*Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. Public Prosecutor*). E F

(4) Based on the evidence adduced, the absence of fingerprint evidence did not affect the prosecution's case. This was because only the respondent and Eliah were in the said van and the respondent was the owner of the said van. The respondent was driving the said van when he was caught. Both the packages that contained the said cannabis drugs were rather large and could be seen by just about anyone that was in the said van. G H

(5) If the trial judge had taken into consideration the matter stated above and evaluated the respondent's defence with more caution together with the prosecution witnesses' evidences he would have reached a different decision. Because the trial judge failed to consider the abovementioned matters there was thus a misdirection. There were solid grounds for this court to interfere with the finding of facts of the trial I

judge. The respondent's defence was solely fictitious and did not raise any reasonable doubt on the case of the prosecution that the said drugs were in the respondent's possession. The respondent also failed to rebut the presumption of trafficking of the said drugs. The prosecution had succeeded in proving its case against the respondent beyond reasonable doubt.

Kes-kes yang dirujuk:
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***
Lee Ah Seng & Anor v. PP [2007] 5 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37A, 37(d)(vi)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - Azlina Rasdi, TPR
Bagi pihak responden - Richard Bong; T/n Bong & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuantan; Perbicaraan Jenayah No: 45-3-2001]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Hasan Lah HMR:

Latarbelakang

[1] Responden dan Eliah bin Yusoh ("Eliah") telah dituduh secara niat bersama mengedar cannabis seberat 22,935 gram. Pertuduhan terhadap mereka adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama, pada 24hb September 2000, jam lebih kurang 8.15 malam di dalam kenderaan no. CAV 7881 (Van), bertempat di KM 11, Jalan Kuantan-Kemaman, di dalam Daerah Kuantan, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, secara niat umum bersama, didapati telah mengedar dadah berbahaya iaitu

cannabis (ganja) seberat 22,935 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dengan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Di akhir perbicaraan kes kedua-dua mereka telah dibebaskan dan dilepaskan oleh hakim bicara. Pendakwa Raya telah tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan merayu terhadap keputusan tersebut.

[3] Kami telah mendengar rayuan pendakwa raya tersebut dan kami telah membenarkan rayuan pendakwa raya. Responden telah didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhi hukuman mati. Rayuan terhadap Eliah telah dibatalkan kerana notis bicara tidak dapat diserahkan kepadanya walaupun beberapa percubaan dibuat untuk menyerahkan notis tersebut. Eliah adalah warganegara Thailand.

Fakta Kes

[4] Bertindak di atas maklumat Penguasa Kastam Mohd Khair bin Zakaria (SP3) telah mengetuai satu pasukan pegawai kastam untuk membuat sekatan jalan raya dan serbuan ke atas sebuah van no. CAV 7881 ("van tersebut") di KM. 11, Jalan Kuantan/ Kemaman pada 24 September 2000. Dua buah kereta pengejar kastam ditempatkan pada jarak 400-500 meter daripada tempat sekatan jalan raya tersebut. Mereka berada di lokasi tersebut bermula dari 7.40 petang.

[5] Pada jam 8.14 malam van tersebut telah melepasi tempat kereta pengejar kastam sedang menunggu dan pada jam 8.15 malam van tersebut ditahan di sekatan jalan raya tersebut. Van tersebut dipandu oleh responden manakala Eliah duduk di tempat penumpang di bahagian depan.

[6] SP3 mendapati terdapat dua bungkusan iaitu dua kampit plastik - satu terletak di tempat letak kaki ruang duduk bahagian tengah van tersebut dan satu lagi di tempat letak kaki tempat duduk bahagian belakang van tersebut.

[7] SP3, setelah membaca amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut) kepada responden, telah bertanya kepada responden apa kandungan kedua-dua bungkusan tersebut dan responden menjawab "daun". Pada fahaman SP3 perkataan "daun" bermaksud "ganja".

[8] SP3 juga membaca amaran yang sama kepada Eliah dan bertanya Eliah apa kandungan kedua-dua bungkusan itu dan Eliah menjawab "tidak tahu".

[9] Selepas itu SP3 membuat torehan dengan pisau ke atas bungkusan-bungkusan tersebut dan beliau mendapati kedua-dua bungkusan tersebut mengandungi ketulan-ketulan daun kering mampat yang bersalut plastik lutsinar yang dipercayai cannabis.

[10] Selepas itu kedua-dua responden dan Eliah telah dibawa pulang ke Pejabat Kastam di Kuantan bersama-sama van tersebut dan bungkusan-bungkusan tersebut dan diserahkan kepada SP7, pegawai penyiasat. SP3 telah membuka kedua-dua bungkusan tersebut di hadapan SP7 dan responden serta Eliah di Pejabat Kastam Kuantan dan mendapati setiap bungkusan mengandungi 12 ketulan daun kering mampat dibaluti dengan plastik lutsinar.

[11] Pada 27 September 2000, SP7 telah menghantar kedua-dua bungkusan tersebut kepada Ahli Kimia, Encik Mohd Sharif bin Jumari (SP2). SP2 telah menjalankan analisa ke atas kesemua 24 ketulan daun kering mampat tersebut dan beliau mengesahkan kesemua ketulan-ketulan tersebut mengandungi cannabis seperti ditakrifkan di dalam s. 2 Akta tersebut seberat 22,935 gram.

Kes Pembelaan Responden

[12] Di dalam keterangannya responden mengatakan pada malam tersebut selepas sembahyang maghrib di surau berdekatan dia balik ke rumahnya. Sampai di rumah seorang bernama Din Haq menelefon responden melalui telefon bimbitnya, meminta tolong dia mengambil barang dari Eliah.

[13] Selepas itu responden menerima panggilan telefon daripada Eliah dan Eliah memberitahu responden yang dia berada dekat pokok besar di tepi jalan Jalan Beserah. Responden pergi ke tempat itu dengan memandu van tersebut dan bila sampai di situ Eliah menaiki van tersebut. Atas permintaan Eliah, mereka pergi ke Masjid Sungai Karang. Sampai di masjid tersebut, mereka berdua turun dari van tersebut. Responden terus ke tandas di kawasan masjid itu dan kemudian datang semula ke van tersebut dalam masa 3 atau 4 minit. Semasa responden ke tandas van tersebut tidak dikunci dan anak kunci van tersebut ditinggalkan olehnya di dalam van tersebut.

[14] Semasa responden datang semula ke van tersebut Eliah masih berada di luar van tersebut. Selepas itu mereka menaiki van tersebut semula dan meninggalkan kawasan masjid tersebut menuju ke Jalan Beserah. Bila sampai di KM. 11, Jalan Beserah responden mendengar bunyi siren. Responden memperlahankan van tersebut dan berhenti di tepi jalan. Di situ dia telah ditahan oleh pegawai-pegawai kastam.

[15] Pegawai kastam yang menahannya melihat ke dalam van tersebut dan bertanya kepadanya apa ada di dalam van tersebut dan dia tidak menjawab sebab dia tidak tahu apa yang ada di dalam van tersebut. Pegawai kastam tersebut telah menjumpai dua bungkusan dari dalam van tersebut. Responden ditanya tentang kedua-dua bungkusan tersebut tetapi dia menjawab dia tidak tahu.

[16] Menurut responden dia cuma sedar tentang bungkusan tersebut berada di dalam van tersebut semasa dia ditahan di tempat kejadian. Sebelum itu dia tidak pernah melihat bungkusan-bungkusan tersebut. Dia tidak tahu siapa yang meletakkan kedua-dua bungkusan tersebut di dalam van tersebut.

[17] Semasa disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya responden mengatakan dia tidak rapat dengan Din Haq. Dia mengenali Din Haq 1-2 tahun sebelum tarikh kejadian dan dia tidak kerap berjumpa dengannya. Responden juga mengatakan sebelum dari tarikh itu dia tidak mengenali Eliah. Apabila Eliah memintanya pergi ke Masjid Sungai Karang dia tidak bertanya kepada Eliah kenapa hendak ke sana. Dia juga mengatakan dia tidak ingat sama ada dia ada tanya Eliah tentang barang yang disuruh ambil oleh Din Haq.

Keputusan Hakim Bicara

[18] Di akhir kes pendakwaan hakim bicara telah memutuskan pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap responden. Menurut hakim bicara pihak pendakwa telah berjaya membuktikan dadah tersebut berada dalam milikan fizikal responden dan responden mempunyai pengetahuan sebenar mengenai dadah tersebut.

[19] Hakim bicara mengatakan kedua-dua bungkusan tersebut diletak di tempat terbuka di bahagian tempat letak kaki tempat duduk tengah dan tempat duduk belakang van tersebut. Kedua-dua bungkusan tersebut boleh dilihat baik dari dalam mahupun dari

A luar van tersebut. Keterangan-keterangan yang ada menunjukkan responden mempunyai penguasaan dan kawalan yang efektif ke atas kedua-dua bungkusan tersebut.

[20] Mengenai elemen pengetahuan pula hakim bicara
B memutuskan terdapat keterangan-keterangan yang boleh dibuat inferens bahawa responden mengetahui tentang dadah yang terdapat di dalam bungkusan-bungkusan tersebut. Responden hanya memberhentikan van tersebut setelah dikejar dan dihimpit oleh kereta-kereta pengejar kastam sejauh 400-500 meter. Ketika
C disoal oleh SP3 responden memberitahu SP3 isi kandungan kedua-dua bungkusan tersebut adalah "daun".

[21] Mengenai pengedaran, hakim bicara memutuskan bahawa anggapan di bawah s. 37(d)(vi) Akta tersebut terpakai terhadap
D responden memandangkan berat cannabis tersebut ialah 22,935 gram.

[22] Mengenai niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan hakim bicara memutuskan niat bersama telah dibuktikan oleh pihak pendakwa berdasarkan keterangan bahawa pada masa tersebut
E Eliah berada di dalam van tersebut dan terdapat barang-barang kepunyaan Eliah iaitu satu seluar jeans yang mana di dalamnya terdapat satu kunci motosikal Honda, wang syiling, satu dompet berisi kad pengenalan Thailand, lesen memandu Thailand dan satu pas sempadan Thailand di dalamnya. Seluar tersebut terletak di
F atas tempat duduk bahagian tengah van tersebut. Semasa ditangkap Eliah memakai kain pelikat.

[23] Mengenai pembelaan responden hakim bicara memutuskan pembelaan responden bahawa dia tidak mengetahui tentang
G kehadiran kedua-dua bungkusan tersebut di dalam van tersebut adalah benar dan menjurus kepada ketidakbersalahannya ("innocence"). Oleh itu responden tidak mempunyai milikan ke atas dadah tersebut. Hakim bicara memutuskan responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas elemen 'milikan'
H dan 'pengetahuan' terhadap dadah tersebut di akhir kes.

[24] Mengenai keterangan SP3 yang mengatakan responden memberitahunya isi kandungan bungkusan tersebut adalah "daun" hakim bicara mengatakan Mahkamah agak ragu-ragu tentang
I kesahihan keterangan SP3 tersebut.

Isu-isu Dalam Rayuan Kes Ini

[25] Timbalan Pendakwa Raya terpelajar telah berhujah bahawa hakim bicara telah tersilap apabila memutuskan responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Beliau berhujah bahawa pembelaan responden merupakan penafian semata-mata dan dengan itu ianya tidak boleh menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa.

[26] Timbalan Pendakwa Raya seterusnya berhujah bahawa keputusan hakim bicara adalah bercanggah dengan dapatan fakta yang dibuat oleh beliau di akhir kes pendakwaan dan juga "goes against the weight of evidence".

[27] Akhir sekali Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa hakim bicara telah tersilap apabila memutuskan cap jari atau "nail clipping" perlu diambil dari responden sedangkan undang-undang tidak memerlukan pihak pendakwaan berbuat demikian. Beliau telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233.

Keputusan Mahkamah Rayuan

[28] Pembelaan yang ditimbulkan oleh responden ialah dia tidak mengetahui tentang kewujudan kedua-dua bungkusan cannabis tersebut di dalam van tersebut. Hakim bicara telah menyatakan dalam penghakimannya mengenai pembelaan responden seperti berikut:

> Di dalam pembelaannya, nampaknya OKT1 menimbulkan pembelaan bahawa beliau tidak mengetahui tentang kehadiran kedua-dua bungkusan berkenaan dan ini bermakna beliau tidak tahu menahu tentang dadah yang terkandung di dalam kedua-dua bungkusan. Melihat demeanour OKT1 semasa memberi keterangan, Mahkamah berpuashati bahawa keterangannya adalah benar dan menjurus kepada ketidakbersalahannya (innocence). Walaupun keterangan tersebut tidak begitu kuat, namun Mahkamah perlu menimbangkannya dan memutuskan sama ada secara keseluruhan, keterangan tersebut telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kesan pembelaan itu juga menunjukkan bahawa OKT1 tidak mempunyai milikan (possession) ke atas dadah berkenaan. Penafian ini, bersama-sama dengan keterangan lain yang menunjukkan van tersebut ditinggalkan selama 3-4 minit tidak berkunci semasa OKT1 pergi ke tandas di Masjid Sungai Karang; OK1 tidak

pernah melihat kedua-dua bungkusan tersebut sebelum ditahan oleh pegawai kastam di tempat kejadian; beliau tidak cuba lari apabila disuruh berhenti oleh pegawai kastam di mana beliau telah berhenti dalam jarak 400-500 meter ataupun dalam tempoh hanya 1 minit, kesemuanya membuatkan Mahkamah memutuskan bahawa OKT1 telahpun menimbulkan keraguan yang munasabah tentang elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' terhadap dadah berkenaan seperti yang telah diputuskan di peringkat akhir kes pendakwaan. Ini bermakna di peringkat akhir perbicaraan selepas pembelaan dipanggil, Mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya mengenai elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' melampaui keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt), secara keterangan terus (direct evidence).

Di dalam keadaan di mana elemen-elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' dinafikan oleh OKT1, pihak pendakwaan sepatutnya menjalankan ujian mengesan cap jari (finger prints) ke atas kedua-dua bungkusan tersebut dan juga ketipan kuku (nail clippings). Ini telah gagal dilaksanakan oleh pihak pendakwaan ... .

[29] Mengenai keterangan SP3 bahawa responden memberitahunya isi kandungan kedua-dua bungkusan berkenaan adalah daun hakim bicara memutuskan:

OKT1 juga menafikan beliau ada memberi jawapan "dam" (sebenarnya "daun") bila ditanya oleh SP3 tentang isi kandungan kedua-dua bungkusan tersebut. Sebaliknya di dalam keterangannya OKT1 mengatakan:

> Pegawai kastam tanya saya apa yang ada dalam van. Saya tak jawab sebab saya tak tahu. Sebelum tanya saya, pegawai kastam tengok ke dalam van saya. Dia ada tunjuk bungkusan tersebut. Masa itu tanya saya - apa ada dalam bungkusan? Saya kata saya tak tahu. Masa saya keluar dari Masjid Sungai Karang saya tak perasan apa yang ada dalam van. Saya sedar tentang bungkusan ada dalam van semasa saya ditahan oleh Kastam.

Dengan keterangan yang diberikan oleh OKT1 seperti di atas, Mahkamah agak ragu-ragu tentang kesahihan keterangan SP3 yang mengatakan OKT1 menjawab "dam" bila beliau menanya tentang isi kandungan kedua-dua bungkusan berkenaan.

OKT1 juga mengatakan semasa beliau ke tandas di Masjid Sungai Karang selama 3-4 minit, van tersebut tidak berkunci dan kuncinya ada di dalam van itu. Semasa disoal balas, OKT1 mengatakan dia tidak tahu kalau ada orang lain masuk ke dalam van semasa beliau ke tandas. Beliau juga mengatakan beliau tidak

perasan tentang kehadiran kedua-dua bungkusan tersebut di dalam van semasa beliau keluar dari kawasan Masjid di Sungai Karang. Mahkamah berpendapat penjelasan oleh OKT1 ini adalah munasabah dalam keadaan masa itu lebih-lebih lagi pada waktu tersebut telah jam melebihi pukul 8 malam dan keadaan gelap. Dalam keadaan sedemikian, inferens yang lebih memihak (favourable) kepada OKT1 harus diutamakan.

[30] Prinsip undang-undang tentang fungsi Mahkamah Rayuan dalam mendengar rayuan berkaitan dengan keputusan fakta adalah jelas iaitu Mahkamah Rayuan tidak wajar mengganggu keputusan fakta yang dibuat oleh mahkamah perbicaraan kerana mahkamah perbicaraan mempunyai kelebihan untuk memerhati tingkah laku saksi yang memberi keterangan. (Lihat *Lee Ah Seng & Anor v. PP* [2007] 5 CLJ 1).

[31] Walaupun begitu dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737 Abdul Hamid Mohamad HMP telah memberi pandangan berikut pada ms. 751 dan 752:

[23] We shall only refer to another Federal Court judgment in *Lai Kim Hon & Ors v. Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84. In that case, in a passage quoted by the Court of Appeal in the instant appeal, Abdul Hamid FCJ (as he then was) said:

> Viewed as a whole it seems clear that the finding of fact made by the trial judge turned solely on the credibility of the witnesses. The trial judge heard the testimony of each witness and had seen him. He also had the opportunity to observe the demeanour of the witnesses. Discrepancies will always be found in the evidence of a witness but what a judge has to determine is whether they are minor or material discrepancies. And which evidence is to be believed or disbelieved is again a matter to be determined by the trial judge based on the credibility of each witness. In the final analysis it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject. Viewed in that light we did not consider it proper for this court to substitute its findings for that of the learned trial judge.
>
> The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness.

A [24] In that case the Federal Court did not interfere with the finding of the trial judge because the court was of the view that the trial judge had enough evidence before him which, if believed, would justify his finding the appellant guilty.

B [25] Of course, the general principle is not in dispute. However, it is the application of the principle to a particular situation that is difficult and, more often than not, in dispute.

C [26] Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Sing*'s case there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. Otherwise, no judgment would ever be reversed D on question of fact and the provision of s. 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

E **[32]** Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa pembelaan responden hendaklah ditimbang bersama-sama keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dengan berpandukan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82 dan *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073.

F **[33]** Di dalam kes ini Eliah juga memberi keterangan untuk kes pembelaannya. Terdapat beberapa percanggahan yang ketara di antara keterangan Eliah dan responden. Menurut responden pada malam tersebut selepas Din Haq menelefonnya untuk meminta dia G mengambil barang, Eliah ada menelefonnya dan memberitahunya dia (Eliah) berada di tepi Jalan Beserah, dekat pokok besar. Selepas dia pergi menjemput Eliah, Eliah mengajaknya pergi ke Masjid Sungai Karang. Walau bagaimanapun dalam keterangannya Eliah mengatakan antara lainnya seperti berikut:

H

> ... Pada petang 24.9.2000 saya berada di Masjid Sg. Karang. Saya tunggu waktu maghrib. Bila waktu maghrib sampai, saya sembahyang. Pada masa itu pakaian saya baju t-shirt warna petak-petak dan sarong kain pelikat. Saya juga pakai seluar, jenis jeans. Seluar yang ditunjuk dalam Mahkamah dulu adalah seluar jean I saya. Lepas sembahyang maghrib saya duduk di luar masjid, masih lagi dalam kawasan masjid. Lepas itu saya naik van untuk

ke Kuantan. Van itu milik Mohd. Zulkifli (cam OKT1), dipandu oleh Mohd. Zulkifli. Sebelum itu saya tak kenal Mohd. Zulkifli. Saya jumpa Mohd. Zulkifli di masjid. Dia pergi sembahyang di masjid masa saya jumpa dia. Saya nampak dia sembahyang di masjid. Lepas itu, saya tanya dia yang dia nak tumpang van ke Kuantan. Dia kata "bolehlah". Ada tanya dia yang dia nak ke mana. Dia jawab nak pergi ke Kuantan. Saya pun naik van duduk sebelah kiri dia. Lepas itu keluar dari kawasan masjid. Lepas itu ada bunyi siren. Lepas itu van ke tepi dan berhenti. Bila van berhenti, ada orang serbu belakang. Masa itu saya tak tahu siapa yang serbu. Lepas itu dia tunjuk kad kuasa. Dia kata dia Kastam. Lepas itu dia buka pintu driver. Lepas itu dia pergi sebelah saya. Dia suruh melutut tepi jalan. Driver pun dia suruh melutut. Lepas itu dia suruh pusing ke belakang. Dia nak check van. Dia temu bungkusan di belakang van. Dia heret bungkusan bawa keluar bawah. Dia tanya saya apa benda dalam bungkusan. Saya jawab saya tak tahu. Lepas itu dia bawa saya ke pejabat Kastam.

[34] Peguambela responden tidak langsung menyoalbalas Eliah. Adalah jelas bahawa keterangan responden dan Eliah tidak menyokong keterangan satu sama lain. Hakim bicara gagal mengambilkira percanggahan-percanggahan yang ketara di antara keterangan responden dan Eliah dalam keputusannya. Kami berpendapat memandangkan terdapat percanggahan-percanggahan tersebut ianya telah menjejaskan kebolehpercayaan keterangan responden.

[35] Lagipun kedua-dua bungkusan yang didapati di dalam van tersebut yang terdiri daripada dua kampit plastik adalah besar kerana setiap bungkusan mengandungi 12 ketulan plastik lutsinar yang mengandungi cannabis. Bungkusan pertama mengandungi 11,453 gram cannabis manakala bungkusan kedua mengandungi 11,482 gram cannabis. Adalah tidak dapat diterima akal bahawa responden tidak dapat melihat bungkusan-bungkusan yang besar itu berada di dalam van tersebut dan tidak tersorok.

[36] Di samping itu kami berpendapat adalah sukar dipercayai pembelaan responden bahawa bungkusan-bungkusan dadah tersebut dimasukkan ke dalam van tersebut di Masjid Sungai Karang tanpa pengetahuannya. Responden mengatakan dia meninggalkan van tersebut selama 3 atau 4 minit di kawasan Masjid Sungai Karang untuk pergi ke tandas. Semasa disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya responden mengatakan dia pergi ke tandas 2-3 minit dan di antara bilik air dan van tidak ada

halangan. Memandangkan kedua-dua bungkusan tersebut besar adalah mustahil untuk mana-mana orang meletakkan dadah tersebut ke dalam van tersebut dalam tempoh yang begitu singkat.

[37] Responden juga mengatakan semasa dia pergi ke tandas van tersebut tidak dikunci dan kunci van tersebut ditinggalkan olehnya di dalam van tersebut. Persoalannya bolehkah keterangan responden bahawa kunci van tersebut ditinggal dalam van tersebut dipercayai memandangkan pada masa itu malam hari dan responden sendiri tidak mengenali Eliah sebelum itu?

[38] Di dalam keterangannya responden mengatakan pada malam itu dia keluar kerana Din Haq menelefonnya meminta tolong dia mengambil barang Din Haq tetapi menurut isteri responden, SP4, responden memberitahunya dia nak keluar kerana hendak pergi kenduri. Adalah jelas bahawa responden telah berbohong kepada SP4 tentang tujuan dia keluar pada malam itu dan ini menunjukkan responden menyedari kesalahan yang dia hendak lakukan dengan menggunakan van tersebut. Mengenai perkara ini kami ingin merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh Salleh Abas FJ dalam kes *Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP* [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340, pada ms 345-346:

> .... In other jurisdictions a false statement made by an accused person concerning the surrounding circumstances in which an offence was committed whilst he had an opportunity to commit the offence can be regarded as a corroboration of the evidence against him. *Eade v. The King* (4) and also *Regina v. Lucas (Ruth)*. (5) We accept the decisions in these cases to be good law. In this case we hold that the representation he made to PW4 regarding the purpose of borrowing the car was a deliberate lie and is therefore a corroborative evidence against him for which he must explain. Such lie is a reflection of his consciousness of guilt as regards the use he intended to make of the car in question.

[39] Mengenai isu cap jari, kami berpendapat keterangan tentang cap jari dapat menguatkan kes pendakwaan. Walau bagaimanapun, dalam kes ini berdasarkan keterangan-keterangan yang ada, ketiadaan keterangan tentang cap jari tidak menjejaskan kes pendakwaan. Ini kerana cuma responden dan Eliah yang berada di dalam van tersebut dan responden adalah pemilik van tersebut. Semasa dia ditangkap dia sedang memandu van tersebut. Kedua-dua bungkusan yang berisi dadah cannabis tersebut adalah besar

dan dapat dilihat oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam van tersebut. Seluar Eliah ditemui di atas tempat duduk di bahagian tengah van tersebut berdekatan dengan salah satu daripada bungkusan-bungkusan tersebut.

[40] Kami berpendapat sekiranya hakim bicara mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di atas dan menilai pembelaan responden dengan lebih teliti bersama-sama dengan keterangan-keterangan saksi-saksi pihak pendakwa beliau mungkin mencapai keputusan yang berlainan. Oleh kerana hakim bicara gagal mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di atas maka kami berpendapat terdapat salah arahan. Setelah membuat semakan yang teliti ke atas keterangan dalam rekod serta keputusan hakim bicara, kami berpendapat terdapat alasan yang kukuh untuk kami mengganggu dapatan fakta hakim bicara. Pembelaan responden, pada pendapat kami, adalah satu rekaan semata-mata dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan bahawa dadah tersebut berada di dalam milikan responden. Responden juga gagal mematahkan anggapan pengedaran dadah tersebut. Kami berpuashati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap responden melampaui keraguan yang munasabah.

[41] Dengan itu kami telah membenarkan rayuan oleh pendakwa raya, keputusan hakim bicara diketepikan dan seterusnya memutuskan responden bersalah dan disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah cannabis tersebut. Responden dijatuhi hukuman mati iaitu hukuman mandatori bagi kesalahan tersebut.